

100 pelajar dari Indonesia dan Thailand lawat USIM

PENDEDAHAN. Lebih 100 pelajar dari Indonesia dan Thailand telah menyertai lawatan ke kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah program Islamic Global School Network (i-GSN) di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Menurut guru pengiring, Luthifah Huzaidah, lawatan itu merupakan satu daripada aktiviti tahunan pelajar-pelajar berkenaan dalam usaha untuk mendedahkan sistem pembelajaran yang terdapat di negara-negara lain.

PELAJAR-PELAJAR dari Indonesia dan Thailand bergambar selepas melawat kampus USIM di Nilai baru-baru ini.

